

BAB 5

ANALISIS DASAR DAN STRATEGI PEMBANGUNAN PELANCONGAN LANGKAWI MENURUT PERSPEKTIF EKONOMI ISLAM

5.1 PENDAHULUAN

Dasar dan Strategi pembangunan pelancongan dalam kajian ini dikaji dan dianalisis bermula dari tahun 1987 iaitu tahun pengisytiharan Langkawi sebagai Pulau Bebas Cukai sehingga pelancaran Dasar Pembangunan Baru Langkawi atau lebih dikenali sebagai (*Blue Print*) Pembangunan Pelancongan Langkawi tahun 2011. Tahun pengisytiharan Dasar Bebas Cukai menjadi titik permulaan kajian penulis kerana dengan pelaksanaan dasar tersebut telah membawa kepada pelaksanaan dasar-dasar yang lain. Dasar dan strategi pembangunan pelancongan di Langkawi tersebut dianalisis berdasarkan perspektif sistem ekonomi Islam. Oleh itu, bab ini akan menganalisis sejauh mana dasar-dasar tersebut menepati kehendak Islam.

5.2 ANALISIS KONSEP PEMBANGUNAN PELANCONGAN

Pelaksanaan dasar dan strategi pembangunan pelancongan yang di Langkawi adalah bertujuan untuk meningkatkan lagi industri pelancongan di pulau berkenaan di samping memberi peluang kepada masyarakat setempat meningkatkan ekonomi dan taraf hidup

mereka.¹ Aspek material dan kebendaan lebih diutamakan dalam mencapai matlamat pembangunan yang dilaksanakan di Langkawi. Menurut teori Marxis, pembangunan merupakan sebahagian daripada konsep kebendaan. Maju dan membanggunya sesebuah negara atau kawasan itu diukur dengan kemajuan aktiviti ekonomi yang dijalankan, mempunyai kemudahan infrastruktur yang lengkap dan moden, bangunan-bangunan yang mencakar langit dan sebagainya.²

Perkara ini tidak bertepatan dengan konsep pembangunan yang disarankan dalam Islam. Konsep pembangunan dalam Islam adalah berasaskan kepada al-Quran dan al-Sunnah yang lebih bersifat material dan spiritual merangkumi pembangunan material atau kebendaan, pembangunan manusia atau modal insan, pembangunan sosial, kebudayaan dan sebagainya.³ Dasar pembangunan dalam Islam merangkumi 5 elemen iaitu *tawhid rububiyah*, *ubudiyah*, *khilafah*⁴, *tazkiyyah*⁵ dan *al falah*⁶ atau kejayaan di dunia dan di akhirat. Justeru, konsep dan dasar pembangunan pelancongan dari perspektif Islam dilihat lebih lengkap dan sempurna kerana tidak hanya mementingkan aspek kebendaan semata-mata malah turut merangkumi pembangunan kerohanian.

¹ Hassan Naziri Khalid et al (2000), "Sosio Ekonomi Penduduk Langkawi Selepas Menjadi Pelabuhan Bebas Cukai", (Kertas Kerja Pembentangan di Seminar Kedah 100 tahun, Universiti Utara Malaysia, 21-22 Ogos 2000,) h 1-19.

² Surtahman Kastin Hasan & Sanep Ahmad (2005), *Ekonomi Islam : Dasar dan Amalan*, edisi kedua, Kuala Lumpur, Dewan bahasa & Pustaka, h 320.

³ Joni Tamkin Borhan (2008), "Pemikiran Pembangunan Ekonomi Berteraskan Islam", *Jurnal Usuluddin*, vol 27, h 93-107.

⁴ Khurshid Ahmad (1980), "Economic Development In A Islamic Framework", dalam Khurshid Ahmad (ed), *Studies in Islamic Economics*, Leicester, The Islamic Foundation, h 178-179.

⁵ Surtahman Kastin Hasan & Sanep Ahmad (2005), *op.cit*, 322.

⁶ Aidit Ghazali (1990), *Development An Islamic Perspective*, Petaling Jaya Selangor, Pelanduk Publications, h 23.

5.3 ANALISIS PELAKSANAAN DASAR DAN STRATEGI BEBAS CUKAI

Pelaksanaan dasar dan strategi ini menyebabkan barangan yang dibawa masuk ke Langkawi menjadi lebih murah. Pelepasan cukai telah diberikan oleh kerajaan merupakan satu langkah yang diambil untuk menarik lebih ramai pelancong berkunjung ke Langkawi dan usaha memajukan lagi industri pelancongan di pulau peranginan berkenaan.⁷ Pengecualian cukai terhadap kereta dan arak memberi kesan yang berbeza. Pengecualian cukai terhadap kereta menyebabkan harga kereta tersebut menjadi lebih murah seterusnya membolehkan orang ramai termasuklah golongan berpendapatan rendah untuk membeli kereta. Namun, pengecualian cukai terhadap barangan yang diharamkan seperti rokok dan arak menyebabkan harganya menjadi lebih murah dan mudah didapati. Penjualan secara terbuka telah menyebabkan para pelancong dan penduduk Langkawi mudah untuk mendapatkan barangan tersebut terutamanya golongan muda. Hal ini tidak bertepatan dengan saranan pembangunan pelancongan dalam Islam terhadap larangan dan pengawalan terhadap penjualan barangan yang dilarang oleh *shara'*.⁸

Syariat Islam telah mengharamkan rokok dan juga arak. *Firman* Allah S.W.T dalam surah *al Mā'idah* ayat 90 :

⁷ Hassan Naziri Khalid et al (2000), *op.cit.*, h 1-19.

⁸ Temubual bersama Syeikh Prof. Dr. Abdul Malik Abdul Rahman Sa'di al Iraqi, mantan Mufti Negara Iraq dan Pensyarah Kuliah Syariah Di WISE Universiti, pada 27 Julai 2012 Jam 10.00am di Amman Jordan.

يَتَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِنَّمَا الْحَمْرُ وَالْمَيْسِرُ وَالْأَنْصَابُ وَالْأَزْلَمُ رِجْسٌ مِّنْ
عَمَلِ الشَّيْطَانِ فَأَجْتَنِبُوهُ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ ﴿٩٠﴾

Maksudnya: “Wahai orang-orang yang beriman, bahawa sesungguhnya arak dan berjudi dan pemujaan berhala, dan mengundi nasib dengan batang anak panah adalah semuanya kotor(keji) dari perbuatan syaitan. Oleh itu, hendaklah kamu menjauhinya supaya kamu berjaya.”

(Surah al-Mā'idah (5) : 90)⁹

Selain itu, permintaan arak yang tinggi di Langkawi terutamanya dari hotel-hotel penginapan memberikan keuntungan yang tinggi kepada pihak pengurusan. Hasil pendapatan hotel yang bersumberkan benda yang haram akan menyebabkan pekerja yang bekerja di tempat tersebut turut terlibat dengan perkara-perkara *shubhah*.

Rasulullah S.A.W bersabda yang diriwayatkan oleh an Nu'man Bin Basyir R.A. :

عن أبي عبد الله النعمان بن بشير رضي الله تعالى عنهما قال سمعت رسول الله صلى الله عليه وسلم
إِنَّ الْحَلَالَ بَيِّنٌ وَإِنَّ الْحَرَامَ بَيِّنٌ، وَبَيْنَهُمَا مُشْتَبِهَاتٌ لَا يَعْلَمُهُنَّ كَثِيرٌ مِنَ النَّاسِ، فَمَنِ اتَّقَى يَقُولُ
الشُّبُهَاتِ اسْتَبْرَأَ لِدِينِهِ وَعِرْضِهِ، وَمَنْ وَقَعَ فِي الشُّبُهَاتِ وَقَعَ فِي الْحَرَامِ، كَالرَّاعِي يَرْعَى حَوْلَ الْحِمَى
يُوشِكُ أَنْ يَرْتَعَ فِيهِ، أَلَا وَإِنَّ لِكُلِّ مَلِكٍ حِمًى، أَلَا وَإِنَّ حِمَى اللَّهِ تَعَالَى مُحَارِمُهُ، أَلَا وَإِنَّ فِي الْجَسَدِ
مُضْغَةً إِذَا صَلَحَتْ صَلَحَ الْجَسَدُ كُلُّهُ، وَإِذَا فَسَدَتْ فَسَدَ الْجَسَدُ كُلُّهُ أَلَا وَهِيَ الْقَلْبُ” (رواه البخاري
ومسلم¹⁰)

Mafhumnya: Daripada Abdullah Nukman bin bashir r.a barkata, aku mendengar Rasulullah S.A.W bersabda : Sesungguhnya yang halal itu jelas dan yang haram

⁹ Sheikh Abdullah Basmeih(2001), *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman*, c.12, Darulfikir, h 275.

¹⁰Imām Abū Husayn Muslim bin al-Ḥajjāj al-Qushayrī al- Naysāburi, (t.t), *al-Jamī' al-Ṣaḥīḥ*, J.5,bab akhadha al-Ḥalāl wa taraka al-shubḥāh, h 50-51.

itu juga jelas. Namun di antara keduanya ada perkara-perkara yang syubhah (yakni samar-samar antara halal dan haram), yang tidak diketahui oleh kebanyakan manusia (sama ada halal atau haram)....

(Hadis riwayat Imām Bukhārī dan Muslim)

Rasulullah S.A.W juga pernah bersabda bahawa 10 golongan yang dilaknat Allah jika terlibat dengan arak iaitu pembuat arak, pengedarnya, peminumnya, pembawanya, pengirimnya, penuangnya, penjualnya, pemakan wang hasil darinya, pembayarnya dan juga orang yang memesankannya.¹¹ Allah tetap melaknat orang yang terlibat dengan arak walaupun orang itu hanya menyediakan arak untuk orang lain dan orang tersebut mendapat hasil atau gaji daripada arak. Walaupun secara realitinya, pekerja tersebut tidak meminum arak, tetapi urusan pekerjaan seharian serta sumber pendapatannya adalah berpunca daripada arak. Salah satu aspek yang ditekankan dalam konsep pembangunan pelancongan Islam ialah mewujudkan peluang pekerjaan yang halal kepada penduduk setempat. Ia selaras dengan matlamat dasar dan strategi pembangunan Islam yang mementingkan peningkatan pengeluaran yang berasaskan sumber yang halal manakala barang yang diharamkan adalah tidak digalakkan, malahan perlu dikawal, dan disekat.¹²

Seterusnya, pelaksanaan cukai terhadap barangan yang diimport juga telah diamalkan dalam sistem pemerintahan Islam. Pelaksanaan cukai terhadap barangan dari luar negara pernah dijalankan pada zaman pemerintahan *Khalīfah* ‘Umar al-Khaṭṭab dengan dikenali sebagai *al-Ūsyūr*. Cukai sebanyak 10% dikenakan terhadap barang dagangan yang

¹¹al-Hāfiẓ Abī Qasīm Sulaymān ibn Aḥmad al-Ṭabrānī, (t.t) *al-Mu‘jam al-Kubrā li al-Ṭabrānī*, j.12, bab Malik ibn Sa‘ad al-Tajībī ‘an ibn ‘Abbas, Kaherah, Maktabah ibn Taimiyyah, no.12976, h 233.

¹²Surtahman Kastin Hasan & Sanep Ahmad (2005), *op.cit.*, h 332.

dibawa masuk oleh kafir *ḥarbī* ke negara Islam. Cukai import yang dikenakan terhadap barang dagangan kafir *zimmi* adalah sebanyak 5% manakala bagi pedagang Islam pula cukai importnya adalah sebanyak 2.5%.¹³ Hal ini menunjukkan bahawa pelaksanaan cukai terhadap barangan yang diimport dari luar bukanlah sesuatu yang baru dan ia telah diaplikasikan pada zaman pemerintahan Islam.

Walaubagaimanapun, dasar bebas cukai yang dilaksanakan di Langkawi menjadi sebaliknya di mana barangan yang dibawa masuk dari luar negara tidak dikenakan cukai. Hal tersebut telah menyebabkan beberapa barangan yang tidak halal menjadi murah dan mudah didapati. Sepatutnya, barangan yang tidak halal tersebut dikenakan cukai dan dijual dengan harga yang tinggi bagi mengelakkan orang ramai mudah untuk membeli dan mendapatkannya. Perkara ini merujuk kepada kaedah fiqh iaitu *taṣaruf al-imām ‘alā al-ra’yah bi maslahah* (kebijaksanaan dan tanggungjawab pemimpin terhadap rakyatnya bergantung pada sesuatu masalah).¹⁴ Pemimpin sepatutnya menjaga rakyatnya daripada terlibat dengan perkara-perkara yang boleh mendatangkan kemurkaan Allah S.W.T. Dalam perkara ini, pihak berkuasa perlu melihat kepada *mafsādah* atau keburukan yang berlaku disebaliknya apabila barangan yang tidak halal tersebut dijual secara murah dan berleluasa. Pelaksanaan Dasar Bebas Cukai sepatutnya mengenakan cukai yang tinggi kepada barangan yang tidak halal agar ia menjadi penghalang kepada orang ramai untuk mendapatkan barangan tersebut.

¹³H.Hendi Suhendi (2011), *Peradaban Ekonomi Islam*, c.1, Bandung, Pustaka Setia, h 95.

¹⁴Ibn Nujaim, Syeikh Zain al-‘Abidīn ibn Ibrāhīm (1980), *Al-Ashbāh wa al-Nazā’ir āla Mazhab Abi Hanifah al-Nu‘man*, c.1, Lubnan Beirut, Dār al-Kutub al Alamiah, h 123.

Justeru, permintaan, penjualan dan penggunaan arak, rokok dan barang-barang yang diharamkan perlulah dikawal atau disekat. Penggunaan dan penjualannya perlu dihadkan kepada pelancong bukan muslim sahaja. Dalam Islam minuman yang memabukkan tersebut merupakan ibu segala maksiat yang boleh menjerumuskan peminumnya kepada melakukan dosa yang lain seperti zina, pembunuhan, jenayah berat dan sebagainya. Hal ini bertepatan dengan kaedah fiqh *Ṣadū al-Zaray* iaitu menutup pintu pintu kemudahan yang boleh berlaku akibat daripada perkara yang diharamkan tersebut. Kaedah penetapan hukum ini digunakan oleh Imam Malik dan Imam Ahmad bagi menghalang sesuatu perbuatan atau perkara yang boleh mengakibatkan kerosakan seperti yang ditetapkan oleh naṣ al-Quran mahupun hadith.¹⁵ Oleh itu, dengan menghalang penjualan barangan haram tersebut secara berleluasa akan memberi manfaat kepada perubahan sosial masyarakat di satu kawasan tersebut.

Kesimpulannya, dasar dan strategi bebas cukai yang dilaksanakan di Langkawi mempunyai beberapa kelebihan dan kelemahan tersendiri. Walaubagaimanapun, masih terdapat beberapa perkara yang dilaksanakan tidak bertepatan dengan kehendak *sharī'ah* Islam itu sendiri. Pelaksanaan bebas cukai terhadap barangan yang tidak halal dan barangan yang memberi kemudahan kepada orang ramai perlulah dimansuhkan. Pelaksanaan cukai yang tinggi terhadap barangan tersebut akan menyebabkan harganya menjadi lebih mahal dan dapat menjadi penghalang kepada orang ramai bagi mendapatkannya.

¹⁵ Abd al-Karīm Zaidan, (2006), *Al-Wājiz fī Uṣul al-Fiqh*, Beirut, Lubnan, Madrasah Risālah Nasirun, h 195-196.

5.4 ANALISIS TERHADAP DASAR DAN STRATEGI EKO-PELANCONGAN LANGKAWI.

Strategi kerajaan mendapatkan status geopark telah mengukuhkan lagi dasar eko-pelancongan Langkawi.¹⁶ Usaha kerajaan mempromosikan Langkawi sebagai tempat percutian berasaskan keindahan alam semujadi adalah untuk mengelakkan pusat peranginan tersebut terkenal dengan aktiviti hiburan seperti pelacuran, kelab malam dan lain-lain yang boleh mengundang banyak perkara negatif.¹⁷ Perkara ini bertepatan dengan saranan pembangunan pelancongan dalam Islam yang melarang hiburan yang melampau serta melangari batas syariat Islam.¹⁸

Seterusnya, Pelaksanaan dasar dan strategi eko-pelancongan di Langkawi dengan pembukaan beberapa produk eko-pelancongan baru seperti *Kilim Karast Geoforest Park* dilihat telah membuka peluang kepada penduduk tempatan untuk melibatkan diri dalam aktiviti pelancongan disamping dapat meningkatkan ekonomi masing-masing.¹⁹ Hal ini bertepatan dengan matlamat pembangunan dalam Islam sepertimana yang dikemukakan oleh ahli ekonomi sebelum ini iaitu penambahbaikan kualiti kehidupan yang membawa kepada kebaikan ekonomi, sosial dan akhlak. Pembukaan peluang pekerjaan kepada penduduk serta wujudnya satu sistem jaminan sosial yang berkesan dapat

¹⁶ Langkawi Development Authority (LADA), Bahagian Geopark, “Discover Langkawi Geopark”, Video.

¹⁷ Temubual bersama En Ku Jamaludin bin Ku Abd Razak, Ketua Bahagian Pelancongan, Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan, pada 12 Oktober 2011, Jam 2.30pm di Bangunan MPLBP, Langkawi.

¹⁸ Yusuf al-Qardawi (2001), *Al-Islam Wa Al-Fan*. Basri Bin Ibrahim al-Azhari (terj.) *Seni menurut Perspektif Islam*, C. Pertama, Johor Baharu, Jahabersa, h 54-95.

¹⁹ Anuar Abd.Rahman & Nik Husni Nik Rashid (2005), “Perancangan Pembangunan Sosio-Ekonomi Dan Pelancongan Untuk Kawasan Sekitar Kilim, Langkawi”, dalam *Lembangan Kilim*, Bangi, Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI) UKM, h 3-11.

menjamin kelangsungan keperluan hidup yang asas kepada masyarakat.²⁰ Justeru, pembangunan industri pelancongan di Langkawi melalui dasar dan strategi ini dilihat telah membuka peluang pekerjaan dan meningkatkan taraf ekonomi penduduk tempatan adalah selaras dengan apa yang disaran dalam Islam.

Langkah kerajaan dengan menubuhkan bahagian Geopark LADA bertujuan untuk memelihara dan mengekalkan keindahan Langkawi agar tidak tercemar dan rosak bagi merealisasikan konsep pelancongan berteraskan alam semulajadi.²¹ Ia bertujuan untuk memantau dan mengawal keindahan alam semulajadi Langkawi daripada tercemar dan rosak.²² *Firman Allah dalam surah al-Baqarah* ayat 11 :

 وَإِذَا قِيلَ لَهُمْ لَا تُفْسِدُوا فِي الْأَرْضِ قَالُوا إِنَّمَا نَحْنُ مُصْلِحُونَ

Maksudnya: “Dan apabila dikatakan kepada mereka:”Janganlah kamu membuat bencana di muka bumi”. mereka menjawab: “Sesungguhnya kami orang-orang yang hanya membuat kebaikan”.

(Surah al-Baqarah (2): 11)²³

²⁰Joni Tamkin Bin Borhan (2005), “ Peranan Pembangunan Ekonomi berteraskan Islam Dalam Pembinaan Ummah Bertamadun”, dalam *Pembangunan Tamadun Ummah Dan Cabarannya*, c.2, Pulau Pinang, Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang, h 109-129.

²¹Abdul Kadir Haji Din (2000), “Pembangunan Alam Semulajadi Dalam Pembangunan Langkawi”, kertas kerja pembentangan di Seminar Pembangunan Langkawi Di Alaf Baru, 8 Jun 2000, City Baview Hotel.

²²Abdul Latif Mohamad & Norhayati Ahmad (2010), “pemuliharaan dan kepelbagaian Biologi untuk Pembangunan Eko-pelancongan Di Langkawi Geopark”, *Jurnal Akademika 80 (Disember)*, Bangi, Universiti Kebangsaan Malaysia, h 31-38.

²³Sheikh Abdullah Basmeih(2001),*op.cit.*, h 10.

Perkara tersebut bertepatan dengan *firman* Allah S.W.T yang melarang umat manusia melakukan kerosakan di muka bumi. Ia juga turut bertepatan dengan etika pelancongan terhadap alam sekitar yang disarankan dalam Islam.²⁴ Alam semulajadi kurnia Ilahi perlulah dijaga dan dipelihara daripada sebarang kerosakan kerana ia mampu menjadi daya tarikan dalam sektor pelancongan.

Dasar dan strategi eko-pelancongan yang dilaksanakan tersebut dilihat telah menepati kehendak dan tuntutan Islam. Ia mengalakkan para pelancong menerokai dan menghayati keindahan ciptaan Ilahi yang Maha Agung. Perkara ini bersesuaian dengan beberapa *firman* Allah S.W.T dalam al-Quran (*surah al-Hājj* (22) :46)²⁵, (*surah al-Ankabūt* (29) : 20)²⁶, (*surah al-Mulk* (67) : 15)²⁷ dan lain-lain lagi dimana Allah S.W.T sangat mengalakkan hambanya keluar mengembara atau pergi melancong untuk melihat keagungan dan kebesaran ciptaan-Nya.

Secara kesimpulannya, dasar dan strategi eko-pelancongan yang dilaksanakan di Langkawi didapati tidak melanggar prinsip dan kehendak Islam disamping dapat memberi faedah dan maanfaat ekonomi kepada penduduk tempatan.

²⁴ Hassan Bahrom, Mahammad Mahyuddin Khalid dan Mohd Ashrof Zaki Yaakob (2010), “Pelancongan Dari Perspektif Islam: Analisis Pendekatan Fiqh” (Prosiding Seminar Pengurusan Hotel dan Pelancongan Islam, Universiti Institut Teknologi Mara (UITM) Shah Alam, 22-23 Jun 2010), h.1-17.

²⁵ Sheikh Abdullah Basmeih(2001), *op.cit.*, h 853.

²⁶*Ibid.*, h 1036.

²⁷*Ibid.*, h 1541.

5.5 ANALISIS DASAR DAN STRATEGI SUKAN ACARA LANGKAWI

Penganjuran acara sukan seperti pertandingan lumba basikal Le Tour De Langkawi adalah bertepatan dengan saranan Islam yang menggalakkan umatnya bersukan atau beriadah bagi menyihatkan tubuh badan. Rasulullah S.A.W pernah bersabda bahawa orang *mu'mīn* yang kuat lebih disukai oleh Allah S.W.T berbanding orang *mu'mīn* yang lemah.²⁸ Umat Islam perlulah kuat, sihat dan cergas agar sentiasa bersedia serta mampu menyebarkan dakwah Islam diseluruh dunia. Dengan acara sukan seperti itu, ia mampu melahirkan umat Islam yang sihat tubuh badan dan kuat.

Selain itu, pelaksanaan dasar tersebut juga secara tidak langsung dapat menjalinkan hubungan baik antara Langkawi dan Malaysia amnya dengan negara-negara lain di dunia. Hubungan yang terjalin tersebut dapat memberi faedah kepada perkembangan sektor pelancongan di Langkawi disamping dapat saling berkenalan serta memperkenalkan budaya dan keunikan masyarakat di negara kita. Hal ini bertepatan dengan saranan pembangunan pelancongan dalam Islam yang menggalakkan umatnya menjalinkan hubungan diplomatik antara satu negara dengan negara yang lain dan mengeratkan hubungan silaturahim antara satu sama lain.²⁹ *firman* Allah dalam *surah al-Hujarāt* ayat 13 :

²⁸Lihat Imām Abī ‘Abd al-Raḥmān Aḥmad ibn Shu‘ayb al-nasā’ī’ (t.t), *Sunān al-Kubrā li al-Nasā’ī’*, j.9, bab mā yā’akul izā rghalabahu ‘amr, No ḥadīth 10384, Beirut, Madrasah Risālah, h 231.

²⁹Asmak Ali dan Fatimah Salleh (2010), “Pelancongan dari Perspektif Islam”, (Prosiding Seminar Pengurusan Hotel dan Pelancongan Islam, Universiti Institut Teknologi Mara (UITM) Shah Alam, 22-23 Jun 2010), h.52-63.

يَتَأْتِيهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاهُمْ مِنْ ذَكَرٍ وَأُنْثَىٰ وَجَعَلْنَاهُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِلَ لِتَعَارَفُوا
 إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَتْقَاهُ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ ﴿١٣﴾

Maksudnya: “Wahai umat manusia, sesungguhnya kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan dan kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain). Sesungguhnya semulia mulia kamu disisi Allah ialah orang yang lebih taqwanya diantara kamu, (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui lagi Maha Mendalam pengetahuan.”

(Surah al-Hujurat (49) : 13)³⁰

Hubungan baik antara negara-negara telah memberi faedah kepada perkembangan ekonomi. Contohnya, pada zaman pemerintahan empayar Islam ‘Abāsiyyah. Negara Islam ‘Abāsiyyah yang berpusat pemerintahan di Baghdad mempunyai hubungan baik dengan negara di sebelah timur seperti India dan China. Ia sekaligus menggerakkan penyebaran agama Islam dan budaya setempat serta meningkatkan ekonomi negara melalui hubungan perdagangan.³¹ Melalui dasar ini, hubungan antara Langkawi atau Malaysia amnya dengan negara-negara lain di dunia mampu memberi kesan yang positif terutamanya dalam perkembangan ekonomi dan sektor pelancongan itu sendiri.

Secara kesimpulannya, dasar sukan dan acara yang dilaksanakan tersebut dilihat memberi kebaikan dan faedah kepada Langkawi serta tidak bercangah dengan ajaran dan prinsip-prinsip Islam.

³⁰Sheikh Abdullah Basmeih(2001), *op.cit.*, h 1387.

³¹H.Hendi Suhendi (2011), *op.cit.*, h 137.

5.6 ANALISIS PELAKSANAAN DASAR DAN STRATEGI MALAYSIA RUMAH KEDUAKU DI LANGKAWI.

Dasar Malaysia Rumah kedua atau *Malaysia My Second Home* (MM2H) merupakan satu program yang diperkenalkan oleh Kerajaan Persekutuan bagi menggalakkan warga asing yang memenuhi syarat-syarat tertentu untuk menetap di Malaysia melalui Pas Lawatan Sosial atau (*multiple-entry social visit pass*).³² Langkawi turut terkesan dengan dasar yang dijalankan oleh Kerajaan Persekutuan tersebut dengan penyertaan pelancong asing yang membeli tanah milik penduduk tempatan dan membina kediaman masing-masing.³³

Dalam isu penjualan dan pembelian tanah dalam Islam, jual beli dikira sah apabila berlakunya *ijāb* (tawaran) dan *qabūl* (penerimaan) antara pembeli dan penjual dalam satu proses jual beli yang dipersetujui antara kedua-dua pihak.³⁴ Penjualan tanah oleh penduduk tempatan kepada warga asing berlaku secara sukarela dan dipersetujui oleh kedua-dua pihak iaitu tuan tanah dan pembeli. Oleh itu, jual beli tersebut adalah *ṣāḥ* dan tidak menyalahi hukum *shara'*.

Tanah yang telah dijual kepada warga asing tersebut tidak boleh dimiliki kembali kerana ia telah dijual kepadanya walaupun penamanya masih kekal hak milik bumiputera. Islam

³² Malaysia My Second Home Programme, <http://www.mm2h.gov.my>, akses pada 27 Febuari 2012.

³³ Temubual bersama Yang Berhormat Dato' Ir Hj Nawawi bin Hj Ahmad, Adun Kuah pada 15 September 2011 jam 2.50pm di Pejabat UMNO Langkawi.

³⁴ Sheikh Shams al-Dīn Muḥammad ibn al-Khāṭib al-Sharbayni, (1997), *Mughnī al-Muḥtāj*, j.2, Beirut, Dār-al Ma'rifah, h 6-7.

melarang keras umatnya memperolehi harta tidak sah dan *baʿīl* sepertimana *firman* Allah dalam surah *al-Baqarah* ayat 188 :

وَلَا تَأْكُلُوا أَمْوَالَكُمْ بَيْنَكُمْ بِالْبَاطِلِ وَتُدْلُوا بِهَآ إِلَى الْحُكَّامِ لِتَأْكُلُوا فَرِيقًا
مِّنْ أَمْوَالِ النَّاسِ بِالْإِثْمِ وَأَنْتُمْ تَعْلَمُونَ

“Dan janganlah kamu makan harta (orang lain) di antara kamu dengan jalan yang salah, dan jangan pula kamu menghulurkan harta kamu (member rasuah) kepada hakim-hakim kerana hendak memakan (atau mengambil) sebahagian dari harta manusia dengan (berbuat) dosa, padahal kamu mengetahui (salahnya)”.

(Surah al-Baqarah (2) :188)³⁵

Dalam isu pemilikan tanah, United Kingdom dan beberapa buah negara Eropah yang mengamalkan sistem ekonomi kapitalis, mengiktiraf individu untuk memiliki tanah. Sebaliknya Negara China dan Rusia pula yang mengamalkan sistem ekonomi komunis dan sosialis, individu tidak mempunyai hak untuk memiliki tanah kerana ia diisytiharkan sebagai harta atau hak milik negara. Manakala dalam Islam pula, pemilikan tanah kepada individu adalah dibolehkan. Individu mempunyai hak untuk membeli dan menjual tanah, mewarisinya, dan mengusahakan tanah tersebut untuk pelbagai tujuan. Sekiranya tanah tersebut tidak diusaha dalam tempoh 3 tahun, tanah tersebut akan bertukar milik menjadi hak milik Negara Islam.³⁶

³⁵Sheikh Abdullah Basmeih(2001), *op.cit.*, h 72.

³⁶Afzal-ur-Rahman(1975), *Economic Doctrines Of Islam*, v.II, Lahore Pakistan, Islamic Publications Ltd, h 209-210.

Negara kita telah menggunakan sistem dan perundangan tanah yang ditinggalkan oleh penjajah British atau lebih dikenali sebagai *system Torrens*. Sistem ini diperkenalkan oleh Sir Robert Torrens yang membolehkan pemilik tanah tersebut kekal hakmilik selamanya walaupun tanah tersebut terbiar atau tidak diusahakan. Berdasarkan sistem Torrens ini, tanah tersebut tidak boleh bertukar hakmilik sekiranya tidak digunakan selama 3 tahun sepertimana yang disarankan oleh Islam berasaskan prinsip '*ihya' al-mawat*'.³⁷

Jika kita selusuri sejarah rampasan bumi Palestin oleh bangsa Yahudi adalah bertitik tolak dengan penjualan tanah penduduk Palestin kepada bangsa Eropah dan Yahudi. Ketika pemerintahan empayar Islam 'Uthmaniyyah, Orang Arab Palestin pada ketika itu telah menjual tanah mereka kerana tertarik dengan tawaran harga yang tinggi oleh warga asing. Malahan, ramai diantara mereka yang menjadi orang tengah untuk menjual tanah orang Arab untuk mengaut keuntungan. Hal tersebut menyebabkan warga asing terutamanya orang Yahudi menjadi semakin ramai menetap di Palestin.³⁸

Perkara tersebut juga dibimbangi berlaku di Langkawi apabila semakin ramai penduduknya menjual tanah kepada warga asing akibat tertarik keuntungan dan kekayaan. Sehingga tahun 2010, bilangan warga asing yang menetap di Langkawi adalah seramai 8,084 orang mewakili sebanyak 10% daripada keseluruhan penduduk

³⁷Fuadah Johari & Wirdati Mohd Radzi (2012), "sistem Percukaian DI Malaysia: Kronologi dan Ulasan Terhadap Sistem Torrens Dari Perspektif Islam", dalam *Tranformasi Penyelidikan Dalam Bidang Pengajian Islam*, c.1, Kuala Lumpur, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, h 681-693.

³⁸Noor Shahily Binti Dahalaan (2004), "Intifadah Dan Proses Pembinaan Peradaban Bangsa Palestin" (Desertasi Sarjana Fakulti Sastera Dan Sains Sosial, Universiti Malaya) h 14-15.

Langkawi.³⁹ Pertambahan bilangan warga asing boleh mendatangkan kesan positif dan negatif dan sosio-ekonomi masyarakat di Pulau berkenaan. Kajian yang dilakukan oleh Moha Asri Hj Abdullah dan Mohd Isa Hj Bakar⁴⁰ mengenai persepsi penduduk tempatan terhadap kesan sosial akibat pembangunan pelancongan Langkawi mendapati sebanyak 38.9% responden bersetuju dan 22.0% amat bersetuju dan menyakini bahawa pelancongan boleh menyebabkan kesan negatif terhadap perkembangan sosial penduduk. Hal ini menunjukkan kebimbangan penduduk tempatan terhadap budaya negatif yang dibawa bersama pelancong masuk ke pulau peranginan tersebut.

Fenomena penjualan tanah oleh penduduk tempatan kepada warga asing dipandang serius oleh beberapa orang pemimpin masyarakat. Mantan Perdana Menteri Malaysia, Tun Dr Mahathir menggesa penduduk Langkawi agar tidak menjual tanah kepada warga asing kerana ia merupakan warisan pusaka untuk generasi akan datang.⁴¹ Penduduk tempatan sepatutnya diberi latihan keusahawanan untuk membangunkan tanah-tanah kosong untuk tujuan komersil dan pelancongan.⁴² Perkara ini tidak bertepatan dengan saranan pembangunan pelancongan dalam Islam yang mementingkan penambahbaikan kualiti hidup.⁴³ Penduduk Langkawi sepatutnya mendapat kualiti hidup yang lebih baik

³⁹Jabatan Perangkaan Malaysia (2010).

⁴⁰Moha Asri Hj Abdullah & Mohd Isa Hj Bakar (1999), “Pembangunan Pelancongan Langkawi : Persepsi Penduduk Terhadap Dampak Sosial”, Prosiding Persidangan Kebangsaan Penilaian Dampak Sosial, Jabatan Antropoligi dan Sosiologi Universiti Malaya-Pertubuhan Perancang Malaysia, Kolej Kediaman Tun Ahmad Zaidi, Kuala Lumpur, 29-30 Jun 1999, h 16-25.

⁴¹ MStar Online, http://mstar.com.my/cerita.asp?sec=mstar_berita&file=%2F2012%2F2%2F19%2Fmstar_berita%2F20120219225007 akses pada 1 Mac 2012.

⁴²Temubual bersama Yang berbahagia Tuan Harun Bin Yasin, Pegawai Daerah Langkawi, pada 5 September 2011, jam 1.15pm di Pejabat Daerah Langkawi.

⁴³ Khurshid Ahmad (1980), *op.cit.*, h 181-182.

seperti jaminan keselamatan sosial dan taraf ekonomi tinggi bukannya dengan cara menjual aset atau harta warisan kepada orang lain.

Secara kesimpulannya, dasar *Malaysia Second My Home* yang dilaksanakan di Langkawi mempunyai kesan yang kurang baik terhadap *maṣlaḥah* dan perkembangan sosio-ekonomi penduduk tempatan yang majoritinya beragama Islam. Pelancong asing yang ingin menyertai program tersebut hanya boleh menyewa rumah sedia ada milik penduduk tempatan dalam tempoh masa tertentu (*homestay*). Penjualan tanah milik penduduk tempatan perlu dihentikan bagi menjamin kepentingan aset dan warisan untuk generasi akan datang.

5.7 ANALISIS DASAR DAN STRATEGI PEMBANGUNAN PELANCONGAN BARU LANGKAWI (*BLUE PRINT PELANCONGAN LANGKAWI*)

Dalam RMK-10, kerajaan telah melancarkan Dasar Pembangunan Pelancongan Baru Langkawi atau lebih dikenali sebagai *Blue Print Langkawi*. Ia bertujuan untuk memaksimumkan dan meningkatkan lagi industri pelancongan Langkawi agar mampu bersaing dengan pusat-pusat pelancongan terkemuka yang lain disamping meningkatkan lagi ketibaan pelancongan ke pulau peranginan tersebut. Dasar tersebut mengandungi 14 strategi meliputi 3 tema iaitu produk, infrastruktur dan pembolehdaya.⁴⁴

⁴⁴Blue Print Pelancongan Langkawi 2011-2015 (2011), Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri, h 30.

5.7.1 Produk

Tema produk mengandungi 7 strategi merangkumi 3 strategi ikon produk pelancongan baru bagi menarik kedatangan pelancong iaitu Geopark ikon, Cenang berwajah baru, dan muzium hidup.⁴⁵ Pembangunan produk baru dengan penjenamaan ikon Geopark dilihat sebagai kelangsungan pelaksanaan dasar eko-pelancongan di Langkawi. Produk-produk geopark berasaskan alam semulajadi sedia ada dinaiktarafkan dan di beri penjenamaan semula agar ia dapat menarik lebih ramai kemasukan pelancong ke Langkawi. Kelangsungan dasar eko-pelancongan dan ikon geopark telah dianalisis pada sup-topik diatas dan ia didapati tidak melanggar mana-mana *sharī'ah* Islam.

Pembangunan Pantai Cenang atau Cenang berwajah baru dan muzium hidup perlu diberi perhatian. Pantai Cenang yang merupakan pusat tumpuan para pelancong yang sebelum ini sesak dan padat dengan pembangunan yang tidak tersusun bakal berubah wajah dengan pembangunan yang lebih tersusun dan strategik.⁴⁶ Keadaan Pantai Cenang sekarang yang padat, tidak tersusun dari sudut pembangunan dan menjadi tempat tumpuan para pelancong serta tempat berlakunya pelbagai aktiviti yang negatif perlu dipulihkan segera.⁴⁷ Para sarjana Islam menyarankan agar pembangunan yang dijalankan haruslah seimbang meliputi akhlak, kerohanian dan kebendaan.⁴⁸ Selain itu, pembangunan pelancongan tersebut mestilah memberi manfaat kepada masyarakat dan

⁴⁵*Ibid.*, 38-49.

⁴⁶*Ibid.*, h 39.

⁴⁷ Temubual bersama Tuan Sheikh Noor Ismardi Bin Ismail, Pegawai Agama Daerah Langkawi, pada 29 Ogos 2011 di Pejabat Agama Langkawi.

⁴⁸ Joni Tamkin Bin Borhan (2005), *op.cit.*, h 109-129.

orang ramai.⁴⁹ Justeru, pembangunan semula kawasan Pantai Cenang yang terkenal dengan keindahan pantainya dan aktiviti pelancongan perlu seimbang antara kebendaan dan kerohanian agar aktiviti yang bertentangan dengan Islam seperti hiburan yang melampau, kelab malam, pelacuran dan lain-lain dapat dielakkan.

Secara umumnya, Setiap perkara yang dilakukan atau dibangunkan di kawasan Pantai Cenang tersebut khususnya dan Langkawi amnya mestilah berbentuk pembangunan bersepadu dan seimbang menggabungkan antara kepentingan agama dan sosial disamping mampu memberi faedah dan kebaikan kepada masyarakat setempat dan para pelancong yang berkunjung.

Seterusnya, tiga strategi berikut adalah strategi sokongan untuk memberi kelancaran dan keselesaan penginapan terhadap pelancong yang datang berkunjung ke Langkawi. Strategi sokongan merangkumi penginapan mewah, barat laut yang meriah, dan MICE Bitara.⁵⁰ Kerajaan merancang untuk membangunkan kawasan barat laut Langkawi dan membina beberapa penginapan mewah bertujuan untuk menarik golongan pelancong yang berpendapatan tinggi dan mewah. Dengan wujudnya hotel mewah tersebut, ia akan menarik lebih ramai kemasukan pelancong yang berupaya untuk tinggal lebih lama di Langkawi dan melakukan perbelanjaan yang besar. Para pelancong yang datang bercuti dapat memberi keuntungan kepada kerajaan melalui cukai barangan yang dibeli oleh

⁴⁹Muhammad Al-Sayyid Yusuf (2008), *Tafsir Ekonomi Islam : Konsep Ekonomi Al-Quran*, terj: Murtadho Ridwan, Johor Baharu, h 252.

⁵⁰Blue Print Pelancongan Langkawi 2011-2015 (2011), *op.cit.*, h 42-44.

mereka, cukai makanan, dan juga cukai hotel penginapan.⁵¹ Oleh itu, ia secara tidak langsung mampu meningkatkan ekonomi pusat peranginan tersebut.⁵²

Walaubagaimanapun, pembangunan atau perkhidmatan terhadap barangan mewah adalah tidak bertepatan dengan saranan para ahli ekonomi Islam dalam mencapai matlamat pembangunan ekonomi Islam seperti yang dibincangkan dalam bab ketiga. Oleh itu, penggunaan barangan mewah adalah tidak digalakkan dalam kerana ia boleh membawa kepada sifak *riya'* dan menunjuk-nunjuk serta pembaziran. *Firman* Allah dalam *surah al-Isrā'* ayat 27 :

إِنَّ الْمُبَذِّرِينَ كَانُوا إِخْوَانَ الشَّيْطَانِ ۖ وَكَانَ الشَّيْطَانُ لِرَبِّهِ كَفُورًا ﴿٢٧﴾

Maksudnya : “Sesungguhnya orang-orang yang boros itu adalah Saudara-saudara Syaitan, sedang Syaitan itu pula adalah makhluk yang sangat kufur kepada Tuhannya.”

(Surah al-Isrā' (17):27)⁵³

Selain itu, dibawah rancangan tersebut juga, pembinaan hotel-hotel yang dilaksanakan perlulah menepati konsep hotel Islamik sepertimana yang dicadangkan oleh para sarjana Islam seperti pekerja hotel yang menutup aurat, pengasingan kolam mandi antara lelaki dan perempuan dan lain-lain.⁵⁴ Sehingga kini, hanya terdapat satu hotel yang berstatus

⁵¹Jameel Ahmad Khader (2001), “Managerial Problems of Hotel and Tourism Industry In India : A Study of Selected Hotel And Tourist Place” (PHD thesis University of Rajasthan Jaipur, India), p 35-36.

⁵²Temubual bersama En Norazman Yussuf, Penolong Pengurus Bahagian Promosi, Lembaga Pembangunan Langkawi pada 13 Oktober 2011 di bangunan LADA.

⁵³ Sheikh Abdullah Basmeih(2001), *op.cit.*, h 682.

⁵⁴Yaakob Che Man et all (2011), “The Implementation of Shariah Compliance Concept Hotel: De Palma Hotel Ampang,Malaysia”, 2011 2nd International Conference on Humanities, Historical and Social Sciences, IPEDR vol.17 (2011) Singapore, IACSIT Press, h 138-142.

patuh *shara'* sedang dibina di Langkawi.⁵⁵ Walaubagaimanapun, hotel yang mematuhi *shara'* seperti itu sudah wujud di beberapa buah negara timur tengah seperti di Dubai dan Arab Saudi.⁵⁶ Langkawi perlu mempunyai hotel-hotel yang berciri seperti ini untuk menarik perhatian dan memenuhi keperluan para pelancong Arab khususnya dan para pelancong Muslim umumnya.

Pelaksanaan MICE Bitara (*Meetings, Incentives, Conferencing and Exhibitions*) di Langkawi dilihat satu langkah yang positif untuk menarik lebih ramai memasukkan pelancong dan menaikkan ekonomi pulau peranginan tersebut. Dengan kemudahan hotel bertaraf bintang dan kemudahan-kemudahan MICE yang sedia ada, Langkawi mampu untuk menjadi tuan rumah kepada acara MICE tersebut.

5.7.2 Infrastruktur

Dalam tema yang ke-2, kerajaan telah memberi tumpuan terhadap perkembangan kemudahan infastruktur di Langkawi. Ia mengandungi 4 strategi iaitu jaringan pengangkutan, mobiliti darat, kesihatan dan sanitasi dan titik sentuh sasaran.⁵⁷ Secara amnya, tema ini bertujuan untuk memberi keselesaan dan kemudahan serta pengalaman yang baik kepada para pelancong semasa bercuti di Langkawi. Dengan peningkatan sistem pengangkutan serta jaringan perhubungan yang lebih efisien dan terkini, ia adalah bertepatan dengan matlamat pembangunan dalam Islam yang menekankan konsep

⁵⁵ Harian Metro, Febuari 13, 2012: 29 “Hotel Ikut Syariah”.

⁵⁶Joan C.Henderson (2010), “Sharia-Compliant Hotels”, *Journal Tourism and Hospitality Research* 2010, v.10, pp 246-255.

⁵⁷Blue Print Pelancongan Langkawi 2011-2015 (2011), *op.cit.*, h 50-56.

peningkatan terhadap teknologi baru.⁵⁸ Pembangunan dan penggunaan teknologi baru dalam sistem pengangkutan seperti kemudahan jaringan jalan raya baik, kenderaan pengangkutan yang moden, dan kemudahan infrastruktur yang lengkap mampu memberi keselesaan kepada pelancong sekaligus meningkat imej pusat peranginan tersebut.

5.7.3 Pembolehdaya

Seterusnya, dalam tema yang ke-3 pula, kerajaan telah menekankan aspek pembolehdaya yang merangkumi 3 strategi iaitu penjenamaan dan pemasaran, penubuhan akademi pelancongan, dan pemeraksanaan sektor pertanian dan perikanan.⁵⁹ Penjenamaan semula dan strategi pemasaran yang baik mampu menarik lebih ramai kedatangan pelancong ke pulau tersebut. Selain itu, penubuhan akademi pelancongan dilihat sebagai satu langkah yang baik dalam melahirkan graduan yang mempunyai pengetahuan dan kemahiran dalam bidang pelancongan. Hal ini bertepatan dengan matlamat pembangunan dalam Islam yang mementingkan pembangunan modal insan.⁶⁰ Para pekerja yang lahir daripada akademi tersebut mempunyai pengetahuan yang tinggi dalam bidang yang diceburi malah turut memiliki ketinggian integriti dan berakhlak mulia.

Dalam strategi yang terakhir iaitu pemeraksanaan sektor pertanian dan perikanan dilihat sebagai salah satu usaha untuk meningkatkan ekonomi penduduk tempatan yang masih menceburi ekonomi tradisional tersebut. Penggunaan teknologi terkini dan penyelidikan

⁵⁸Khurshid Ahmad (1980), *op.cit.*, h 182.

⁵⁹Blue Print Pelancongan Langkawi 2011-2015 (2011), *op.cit.*, h 60-64.

⁶⁰Joni Tamkin Bin Borhan (2005), *op.cit.*, h 109-129.

yang berterusan dalam bidang tersebut dapat membantu meningkatkan hasil pengeluaran dan pendapatan pengusahanya. Hal ini bertepatan dengan matlamat pembangunan dalam Islam yang mementingkan penambahbaikan kualiti hidup.⁶¹ Kualiti hidup masyarakat dapat ditingkatkan melalui wujudnya peluang pekerjaan dan peningkatan pendapatan serta ekonomi penduduk melalui strategi yang dilaksanakan.

Kesimpulannya, dasar dan strategi pembangunan pelancongan baru yang digariskan oleh kerajaan persekutuan merupakan satu dasar yang baik serta mampu meningkatkan lagi sektor pelancongan di Langkawi. Walaubagaimanapun, dalam melaksanakan dasar tersebut, prinsip-prinsip dan konsep pembangunan pelancongan seperti mana yang disarankan dalam Islam mestilah diambil kira dan dijadikan panduan.

5.8 ANALISIS HOTEL PENGINAPAN DAN STATUS HALAL

Dalam konteks Malaysia, sijil halal merupakan satu pengiktirafan status halal yang diberikan kepada sesuatu premis yang menyediakan makanan, syarikat pengeluaran produk makanan dan minuman, hotel, barangan gunaan dan rumah sembelihan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).⁶² Oleh itu, hotel dan penginapan seluruh Malaysia yang ingin mendapatkan status halal perlu memenuhi beberapa syarat-syarat tertentu seperti tidak menyediakan makanan yang diharamkan oleh *shāri'ah* Islam.⁶³ Walaubagaimanapun, mendapatkan pengiktirafan status halal adalah tidak wajib kepada

⁶¹ Khurshid Ahmad (1980), *op.cit.*, h 181.

⁶² Halal Malaysia, <http://www.halal.gov.my/v3/index.php/ms/direktori-halal-malaysia> akses pada 16.1.2012.

⁶³ *Ibid.*

semua pengusaha-pengusahaan hotel penginapan. Sekiranya sesebuah hotel tersebut mempunyai status halal, Ia merupakan satu strategi yang diambil oleh pihak pengurusan hotel untuk mendapatkan status berkenaan.⁶⁴

Di Langkawi, jumlah penginapan dan hotel adalah sebanyak 94 buah merangkumi hotel penginapan bertaraf bintang sehinggalah penginapan berbentuk bajet dan murah.⁶⁵

Mengikut statistik terbaru keluaran Jakim, hanya 8 buah hotel dan penginapan sahaja mempunyai sijil halal yang masih aktif.⁶⁶ Oleh itu, hotel dan penginapan di Langkawi kebanyakannya tidak mempunyai sijil halal daripada JAKIM. Perkara tersebut tidak menepati kehendak para pelancong yang beragama Islam yang memerlukan makanan yang halal lagi baik sepanjang percutian mereka. Hal ini bertepatan dengan *firman* Allah dalam *surah al-Baqarah* ayat 168:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ كُلُوا مِمَّا فِي الْأَرْضِ حَلَالًا طَيِّبًا وَلَا تَتَّبِعُوا خُطُوَاتِ الشَّيْطَانِ
إِنَّهُ لَكُمْ عَدُوٌّ مُبِينٌ

Maksudnya : “Wahai sekalian manusia, makanlah dari apa yang ada di bumi, yang halal lagi baik, dan janganlah kamu ikut jejak langkah Syaitan; Kerana Sesungguhnya Syaitan itu adalah musuh yang terang nyata bagimu.”

(Surah al-Baqarah (2) : 168)⁶⁷

⁶⁴ Temubual bersama Tuan Sheikh Noor Ismardi Bin Ismail, *op.cit.*

⁶⁵ Lembaga Pembangunan Langkawi, http://www.lada.gov.my/v1/index.php?option=com_content&view=article&id=133&Itemid=166&lang=en akses pada 16.1.2012.

⁶⁶ Halal Malaysia, <http://www.halal.gov.my/v3/index.php/ms/senarai-hotel/241-carian-direktori-hotel> akses pada 16.1.2012.

⁶⁷ Sheikh Abdullah Basmeih(2001), *op.cit.*, h 64.

Seterusnya, hotel-hotel yang mempunyai sijil halal daripada pihak Jakim di Langkawi tersebut bukanlah merupakan sebuah hotel yang berkonsepkan Islamik. Sijil perakuan halal akan diberikan apabila hotel berkenaan mempunyai dapur memasak yang tidak bercampur dengan makanan-makanan yang haram. Sijil perakuan tersebut hanya diberikan berdasarkan penilaian dapur yang menyediakan makanan halal sahaja dan tidak merangkumi perkara lain seperti kewujudan bar arak, spa, kelab malam hotel dan lain-lain.⁶⁸

Hal ini tidak bertepatan dengan konsep hotel Islamik seperti di sarankan oleh para sarjana ekonomi Islam. Konsep hotel Islamik tersebut merangkumi keseluruhan hotel seperti dapur penyediaan makanan yang halal, tidak menyediakan arak untuk tetamu, mempunyai kolam renang berasingan lelaki dan perempuan, menyediakan kemudahan beribadah untuk para pelancong Muslim, pekerja hotel menutup aurat dan mengamalkan budaya serta *sharī'ah* Islam, mempunyai pengasingan ruang tingkat (*floor*) untuk lelaki, wanita dan juga keluarga serta lain-lain lagi.⁶⁹ Kewujudan hotel islamik tersebut bukanlah khusus untuk pelancong muslim sahaja tetapi ia terbuka kepada semua pelancong tanpa mengira latar belakang agama.

Secara umumnya, pembangunan hotel yang di laksanakan di Langkawi sekarang masih belum menepati landasan *sharī'ah* Islam kerana hotel-hotel berkenaan masih mengamalkan perkara-perkara yang dilarang oleh *sharī'ah* Islam. Pembinaan lebih

⁶⁸ Temubual bersama Tuan Sheikh Noor Ismardi Bin Ismail, *op.cit.*

⁶⁹ Yaakob Che Man *et al.* (2011), *op.cit.*, h 138-142.

banyak hotel yang mempunyai ciri-ciri patuh *sharī'ah* akan menarik lebih ramai kemasukan pelancong beragama Islam terutamanya dari Negara-negara timur tengah.

5.9 KESIMPULAN

Kesimpulan daripada analisis kajian ini mendapati beberapa dasar dan strategi pembangunan pelancongan yang dilaksanakan di Langkawi menepati dan selaras dengan tuntutan Islam. Walaubagaimanapun, terdapat juga beberapa dasar yang dijalankan tidak menepati kehendak dan prinsip Islam. Pada asalnya, dasar dan strategi yang digariskan mempunyai tujuan yang baik tetapi menghadapi masalah diperingkat pelaksanaan sehingga berlakunya perkara-perkara yang kurang memuaskan. Pelepasan cukai terhadap barangan yang diharamkan oleh Islam perlu dikaji semula dan ditarik balik kerana ia banyak memberikan kemudatan daripada kebaikan.

Selain itu, pelaksanaan dasar dan strategi Malaysia rumah kedua juga perlu dikaji semula. Penjualan tanah milik penduduk tempatan kepada warga atau asing untuk membolehkan menetap di Langkawi dilihat banyak memberi *mafsadah* atau kesan buruk kepada perkembangan sosial masyarakat langkawi. Begitu juga dengan beberapa dasar dan strategi pembangunan pelancongan Langkawi yang lain perlu diberi perhatian dan penilaian semula agar ia selaras dengan apa yang disarankan dalam Islam. Oleh itu, penambahbaikan perlu dilakukan bagi mengatasi kelemahan dan kekurangan yang

berlaku dalam dasar dan strategi yang telah dijalankan tersebut. Ia penting dalam usaha membangunkan dan memajukan lagi industri pelancongan di Langkawi.